

B. HUBUNGAN KERJASAMA BIDANG ROBOTIK DIALU-ALUKAN

Sebarang bentuk hubungan kerjasama di dalam bidang robotik melalui 'Penyelidikan Bersama' atau 'Perjanjian Persefahaman' (MoU) antara Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) dengan mana-mana badan pertubuhan yang berkaitan, universiti, pusat penyelidikan baik dalam mahupun luar negara amat dialu-alukan.

Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM, menyatakan demikian di dalam teks ucapannya yang disampaikan oleh Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Timbalan Rektor Akademik KUKUM, di majlis perasmian *'First International Workshop on Artificial Life and Robotics'* di Hotel Putra Palace, Kangar, pada 14 Mei 2005 lalu. Bengkel selama dua hari tersebut telah dianjurkan oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik, KUKUM dengan kerjasama Prince of Songkla University, Hatyai, Thailand.

Prof. Dato' Dr. Kamarudin berkata, sebagai sebuah universiti yang masih baru, KUKUM tidak boleh berdiri dengan sendiri dalam usahanya menerokai bidang robotik dan kehidupan buatan tersebut. Justeru itu, KUKUM sentiasa menggalakkan mana-mana pihak yang berminat untuk menjalankan penyelidikan secara bersama. Beliau amat berharap soal kedudukan geografi serta budaya yang berbeza tidak menjadi kekangan dalam usaha ke arah mewujudkan hubungan kerjasama antara kedua-dua belah pihak.

Resolusi dari perbentangan kertas kerja oleh para peserta, katanya lagi amat penting dalam menentukan halatuju bidang robotik bukan sahaja di negara

ini tetapi juga di peringkat antarabangsa. Segala matlamat, misi dan juga visi hasil bengkel tersebut yang antara lain memfokuskan bidang *'Artificial Brain Research'*, *'Robust Virtual Engineering'* dan *'Bioinformatics'* amat penting. Ia secara tidak langsung dapat menyumbang kepada ketamadunan dunia dan manusia secara sejagat.

'First International Workshop on Artificial Life and Robotics' yang telah dipengerusikan oleh Prof. Madya Dr. Rizon Mohamed Juhari, Dekan Pengajian Ijazah Tinggi, KUKUM itu bertujuan untuk menggalakkan pembangunan dan kemajuan bidang robotik dan 'kehidupan buatan'. Bidang robotik iaitu satu bidang yang masih baru tetapi telah mula diaplikasikan secara meluas di dalam pelbagai bidang khususnya industri berat seperti automatif, pengangkutan, pertahanan dan sebagainya.

Bengkel itu diharapkan mampu menjadi platform pertukaran idea dan pendapat di kalangan para peserta dalam mencari pelbagai persoalan yang mungkin dan sedang berlaku di dalam bidang robotik itu sendiri. Antara wakil universiti luar negara yang hadir di dalam bengkel tersebut ialah Prof. Masanori Sugisaka dari Universiti Oita, Jepun, Ju-jang Lee dari Korea Advanced Institute of Science and Technology (KAIST), Korea, Prof. Dr. Chusak Limsakul, Panyarak Ngamsritrakul dan Pruittikorn Smithmaitrie dari PSU, Thailand, Poolsak Koseeyaporn dari King Mongkut Institute of Technology North Bangkok (KMITNB).